

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan paten? (1)
- (b) Encik Zul menerima penyata kewangan tahun pertama syarikat perniagaan hiasan dalamannya. Beliau tidak bersetuju dengan perkara yang berikut:
- (1) Kepakaran dan kemahiran beliau dalam perniagaan tidak dianggap sebagai aset bagi perniagaan hiasan dalamannya.
 - (2) Terdapat belanja susut nilai yang dikenakan kepada aset, sedangkan syarikat perniagaan hiasan dalamannya telah mengeluarkan tunai sepenuhnya bagi pembelian aset itu. Beliau berpandangan bahawa pembelian aset itu direkodkan dua kali.
- Jelaskan dua sebab pernyataan Encik Zul itu tidak boleh diterima. (2)
- (c) Maklumat urus niaga Perniagaan Deen pada bulan Januari 2019 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Rujukan	Urus niaga
1 Januari	Baki lejar	Tunai RM850, bank RM23,470
		Akaun kawalan belum terima RM29,500
1 Januari	Bil 124	Jualan tunai sebanyak RM850
2 Januari	CT 452	Menerima cek daripada Kedai David bagi menjelaskan hutang yang berjumlah RM8,500, diskaun diberi ialah 5%
5 Januari	BI 001	Membayar bil utiliti kediaman pemilik perniagaan berjumlah RM250 dengan cek
6 Januari	Bil 458	Membeli barang niaga secara tunai berjumlah RM2,170
10 Januari	BI 002	Mengeluarkan cek untuk bayaran sewa kedai berjumlah RM1,800
10 Januari	Resit 49	Menerima bayaran tunai sebanyak RM4,200 daripada akaun belum terima
11 Januari	Resit 50	Menerima sebanyak RM300 secara tunai sebagai komisen jualan
12 Januari	BI 003	Menjelaskan hutang Syarikat Tee Sdn. Bhd. berjumlah RM7,300 dengan cek
20 Januari	Bil 0125	Menerima sebanyak RM1,315 secara tunai daripada hasil kutipan jualan
28 Januari	Resit 51	Menerima sebanyak RM1,850 secara tunai daripada akaun belum terima
31 Januari	Jurnal	Jumlah jurnal jualan ialah RM32,850, jumlah pulangan jualan ialah RM1,530
		Jurnal am menunjukkan sebanyak RM510 hutang pelanggan perlu dihapus kira

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal penerimaan tunai dan catatan jurnal pembayaran tunai bagi bulan Januari 2019 dengan menggunakan format di bawah.

Tarikh	Butir	Rujukan	Diskaun	Tunai	Bank	?	?	?
--------	-------	---------	---------	-------	------	---	---	---

(13)

- (ii) Sediakan akaun kawalan belum terima bagi Perniagaan Deen. (4)